



28 November 2012
28 November 2012
P.U. (A) 419

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI SUMBANGAN OLEH PENANGGUNG INSURANS
BERLESEN KEPADA *MALAYSIAN MOTOR
INSURANCE POOL*) 2012

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR CONTRIBUTION BY
LICENSED INSURERS TO THE MALAYSIAN MOTOR
INSURANCE POOL) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI SUMBANGAN OLEH
PENANGGUNG INSURANS BERLESEN KEPADA *MALAYSIAN MOTOR INSURANCE POOL*)
2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Sumbangan oleh Penanggung Insurans Berlesen kepada *Malaysian Motor Insurance Pool*) 2012.**

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 hingga tahun taksiran 2015.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

"*Malaysian Motor Insurance Pool*" ertinya suatu tabung insurans bersama berisiko tinggi yang ditubuhkan secara bersama oleh penanggung insurans berlesen untuk memberikan insurans bagi risiko berkenaan dengan kenderaan bermotor yang tidak dapat memperoleh insurans tersebut di tempat lain;

"penanggung insurans berlesen" ertinya suatu penanggung insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] yang menjalankan perniagaan am sebagaimana yang disebut di bawah perenggan 4(1)(b) Akta Insurans;

"sumbangan" ertinya bayaran kepada *Malaysian Motor Insurance Pool* oleh penanggung insurans berlesen berkenaan dengan kerugian yang dikongsi bersama yang ditanggung oleh *Malaysian Motor Insurance Pool*.